

**SATU TINJAUAN KEBERKESANAN FAKTOR - FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI PRESTASI PELAJAR SARJANA MUDA
(LUKISAN KEJURUTERAAN)
DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

MOHD HAFIZ BIN HASHIM

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

70296



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : SATU TINJAUAN KEBERKESANAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PRESTASI PELAJAR SARJANA MUDA (LUKISAN KEJURUTERAAN) DI KOLEJ
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

SESI PENGAJIAN : 2000 / 2001

Saya MOHD HAFIZ BIN HASHIM (760206-01-6983)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di **Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia** dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 54, JALAN BARU, SIMPANG LIMA

83020 BATU PAHAT,

JOHOR DARUL TAKZIM

Tarikh : 27 hb. SEPTEMBER 2001

(Nama Penyelia)

HAFIZ BIN HAJI HUSSEIN

Tarikh : 28.09.01.

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**SATU TINJAUAN KEBERKESANAN FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI PRESTASI PELAJAR SARJANA MUDA
(LUKISAN KEJURUTERAAN)
DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

MOHD HAFIZ BIN HASHIM

**Kertas Kerja Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan**

**Intitut Teknologi Tun Hussein Onn
Universiti Teknologi Malaysia**

September 2001

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGAKUAN

Saya akui karya ini bertajuk “Satu Tinjauan Keberkesanan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar Sarjana Muda (Lukisan Kejuruteraan) Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn” adalah projek kajian kes hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 

Nama Penulis : Mohd Hafiz bin Hashim

Tarikh : 7 September 2001

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



DEDIKASI

Buat ibu yang tersayang dan seluruh keluarga yang telah memberikan semangat, galakan dan dorongan dalam meneruskan cita-cita yang murni.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia kajian kes ini iaitu Encik Atan bin Haji Hussein di atas bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh kajian kes ini dilaksanakan.

Kerjasama daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda tahun satu semester satu dari ketiga-tiga jabatan iaitu Jabatan Awam, Jabatan Elektik dan Jabatan Mekanikal yang turut menjayakan soal selidik bagi kajian kes ini juga amatlah dihargai. Juga kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar Lukisan Kejuruteraan yang terlibat.

Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan kajian ini.



PTA AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau keberkesanan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO). Ianya melihat kepada beberapa objektif khusus dalam menentukan prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan, di antara faktor-faktor tersebut adalah dari segi sikap dan minat pelajar serta cara pengajaran pensyarah tersebut dan terhadap kemudahan yang sedia ada di makmal lukisan. Dalam melaksanakan kajian ini terdapat beberapa persoalan kajian yang dilihat iaitu terhadap sikap dan minat pelajar sama ada ianya mempengaruhi prestasi pelajar tersebut dalam matapelajaran lukisan kejuruteraan, juga dari segi cara pengajaran pensyarah dan kemudahan- kemudahan yang sedia ada. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis bagi tujuan dipersembahkan dalam bentuk carta dan jadual statistical. Kajian ini mendapati kefahaman pelajar terhadap sumber tentang kepentingan lukisan kejuruteraan. Faktor sikap, minat cara pengajaran pensyarah dan kemudahan yang sedia ada di makmal adalah merupakan faktor yang mempengaruhi tahap prestasi pelajar dalam matapelajaran ini. Penekanan yang difokuskan ini adalah supaya pensyarah memberi banyak pendedahan dan kepentingan matapelajaran ini serta mempelbagaikan kaedah pengajaran dan juga mengadakan banyak perbincangan yang berterusan dengan pelajar.



PERPUSTAKAAN TINGKU TUN AMINAH

ABSTRACT

The propose of this research is to recognize factor efficiency that dominance student performance in Engineering Drawing at KUiTTTHO. This look to course objective for determined the student performed on this subject. The factor was attitude and student enthusiasm with the lecturer drawing laboratory. To study this research, there are many research question's that it about student attitude and enthusiasm which dominance. The student performed in this subject, also about the way lecturer teaching and facility existing. Research instrument that be used are questionnaire and the data win be analyzing for presentation in chart and statistical schedule form. This research show that the students understanding for the important source about Engineering Drawing, attitude factor, enthusiasm method by lecturer learning and the facilities are the factor that dominances student level that is performed in this subject. Emphasis focuses are to make lecturer give mostly exposure an importance this subject to make a discussion with the student.



PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PEKARA	MUKA SURAT
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Isi kandungan	vii
BAB 1	PENGENALAN	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kepentingan kajian	6
	1.7 Skop Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	8
BAB II	SOROTAN PENULIS	12
	2.1 Pendahuluan	12
	2.2 Sikap	12
	2.3 Minat	14
	2.4 Cara Pengajaran guru	15
	2.5 Keadaan Kemudahan Sedia Ada	16



PTFA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAB III	METODOLOGI	18
	3.1 Pendahuluan	18
	3.2 Rekabentuk Kajian	18
	3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	19
	3.4 Instrumentasi Kajian	20
	3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	23
	3.6 Pengumpulan Data	24
	3.7 Analisis Data	24
BAB IV	ANALISIS DATA	26
	4.1 Pengenalan	26
	4.2 Pengedaran Dan Pengumpulan Borang Soalselidik	27
	4.3 Struktur Analisis	27
	4.4 Analisis Soalselidik Responden	28
	4.5 Analisis Data Responden Pelajar	36
	4.6 Analisis Data Responden Pensyarah	63
BAB V	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	73
	5.1Pendahuluan	73
	5.2 Kesimpulan	73
	5.3 Perbincangan	75
	5.4 Cadangan	79
	BIBLIOGRAFI	81
	LAMPIRAN 1	83
	LAMPIRAN 2	89



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Item Borang Soal Selidik Mengikut Item (Soal Selidik Pelajar)	21
3.2	Penggunaan Skala Likert	22
4.1	Keseluruhan Latarbelakang Responden Pelajar Mengikut Jantina	28
4.2	Latarbelakang Responden Pelajar Mengikut Jantina (Kejuruteraan Mekanikal)	29
4.3	Latarbelakang Responden Pelajar Mengikut Jantina (Kejuruteraan Elektrik)	30
4.4	Latarbelakang Responden Pelajar Mengikut Jantina (Kejuruteraan Awam)	30
4.5	Taburan Responden Pelajar Mengikut Aliran Persekolahan	31
4.6	Keseluruhan Latarbelakang Responden Pensyarah Mengikut Jantina	32
4.7	Taburan Responden Pensyarah Dari Segi Peringkat Umur	33
4.8	Taburan Responden Pensyarah Terhadap Kelulusan Kemahiran	34
4.9	Taburan Responden Pensyarah Mengikut Pengalaman Mengajar	36

4.10	Taburan Item Mengikut Bilangan Jawapan Dan Peratusan Nagi Responden Pelajar (Kejuruteraan Mekanikal).	37
4.11	Taburan Faktor Sikap Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal)	40
4.12	Taburan Faktor Minat Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal)	41
4.13	Taburan Faktor Cara Pengajaran Pensyarah Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal)	43
4.14	Taburan Mengenai Faktor Kemudahan Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal)	44
4.15	Taburan Item Mengikut Bilangan Jawapan Dan Peratusan Nagi Responden Pelajar (Kejuruteraan Elektrik).	45
4.16	Taburan Faktor Sikap Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)	49
4.17	Taburan Faktor Minat Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)	50
4.18	Taburan Faktor Cara Pengajaran Pensyarah Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)	52
4.19	Taburan Mengenai Faktor Kemudahan Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)	53



4.20	Taburan Item Mengikut Bilangan Jawapan Dan Peratusan Bagi Responden Pelajar (Kejuruteraan Awam).	54
4.21	Taburan Faktor Sikap Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)	58
4.22	Taburan Faktor Minat Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)	59
4.23	Taburan Faktor Cara Pengajaran Pensyarah Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)	61
4.24	Taburan Mengenai Faktor Kemudahan Oleh Responden Pelajar Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)	62
4.25	Taburan Item Mengikut Bilangan Jawapan Dan Peratusan Bagi Responden Pensyarah	63
4.26	Taburan Faktor Sikap Responden Pensyarah Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	67
4.27	Taburan Faktor Minat Responden Pensyarah Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	68
4.28	Taburan Faktor Cara Pengajaran Pensyarah Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	70
4.29	Taburan Mengenai Faktor Kemudahan Oleh Responden Pensyarah Terhadap Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	71



PTT
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH
UTHM

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Carta Pai Menunjukkan Peratusan Pelajar Mengikut Jantina	29
4.2	Carta Bar Menunjukkan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Aliran Persekolahan	31
4.3	Carta Pai Menunjukkan Peratusan Pensyarah Mengikut Jantina	32
4.4	Carta Bar Menunjukkan Bilangan Dan Peratusan Pensyarah Mengikut Peringkat Umur	33
4.5	Carta Bar Menunjukkan Bilangan Dan Peratusan Pensyarah Mengikut Kelulusan Kemahiran	35
4.6	Carta Bar Menunjukkan Bilangan Dan Peratusan Pensyarah Mengikut Pengalaman Mengajar	36
4.7	Taburan Item Mengikut Pengelasan (Kejuruteraan Mekanikal)	39
4.8	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Sikap (Kejuruteraan Mekanikal)	41
4.9	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Minat (Kejuruteraan Mekanikal)	42
4.10	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Cara Pengajaran Pensyarah (Kejuruteraan Mekanikal)	43

4.11	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Kemudahan (Kejuruteraan Mekanikal)	44
4.12	Taburan Item Mengikut Pengelasan (Kejuruteraan Elektrik)	48
4.13	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Sikap (Kejuruteraan Elektrik)	49
4.14	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Minat (Kejuruteraan Elektrik)	51
4.15	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Cara Pengajaran Pensyarah (Kejuruteraan Elektrik)	52
4.16	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Kemudahan (Kejuruteraan Mekanikal)	53
4.17	Taburan Item Mengikut Pengelasan (Kejuruteraan Awam)	57
4.18	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Sikap (Kejuruteraan Awam)	58
4.19	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Minat (Kejuruteraan Awam)	60
4.20	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Cara Pengajaran Pensyarah (Kejuruteraan Awam)	61
4.21	Taburan Peratusan Responden Pelajar Terhadap Kemudahan (Kejuruteraan Awam)	62
4.22	Taburan Item Mengikut Pengelasan (Responden Pensyarah)	66
4.23	Taburan Peratusan Responden Pensyarah Terhadap Sikap Pelajar	68
4.24	Taburan Peratusan Responden Pensyarah Terhadap Minat Pelajar	69
4.25	Taburan Peratusan Responden Pensyarah Terhadap Cara Pengajaran Pensyarah	70



4.26

Taburan Peratusan Responden Pensyarah Terhadap
Kemudahan Sedia Ada.

71



BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Dunia pendidikan kita pada hari ini seperti yang tertera di dalam Falsafah Pendidikan Negara, mempunyai matlamat untuk melahirkan masyarakat manusia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat sebenarnya adalah selari dengan objektif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu mewujudkan masyarakat yang mempunyai ekonomi, bersaing, giat dan kental.

Bagi mewujudkan masyarakat yang maju, kita memerlukan rakyat yang mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam sesuatu bidang yang dapat membantu mengurus dan memimpin negara dengan cekap dan sistematik. Maka dari itu pendekatan awal adalah perlu dalam melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknologi terkini.

Selain daripada itu, memandangkan perhubungan dan kemajuan pesat negara pada masa kini, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia boleh mencapai taraf negara maju menjelang 2020. Walau bagaimanapun untuk mencapai matlamat ini, negara memerlukan



sebuah masyarakat yang celik terhadap sains dan teknologi serta mempunyai daya anjakan paradigma yang tinggi serta berpandangan jauh ke hadapan. Ini bermakna masyarakat Malaysia bukanlah hanya menggunakan teknologi tetapi juga sebagai pengembang kepada tamadun saintifik dan teknologi pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, bagi menyelaraskan perkembangan dan kemajuan teknologi dan industri negara pada masa kini, industri pendidikan di Malaysia pada hari ini seharusnya menunjukkan perubahan dan kemajuan yang dinamis.

Dalam mencapai ke arah kemajuan ini, sistem pendidikan yang sedia ada perlu diperbaiki dan ditokok-tambah bagi memastikan ianya selari dengan kemajuan negara pada masa kini. Penerapan budaya teknologi dalam jiwa rakyat adalah perlu agar mereka sedar terhadap perkembangannya dan dapat sama-sama berkembang mengikut aturan yang betul dan stabil terhadap kemajuan teknologi.

Dalam era perkembangan pembangunan teknologi masa kini, perkembangan juga berlaku terhadap institusi pendidikan yang bertujuan menyelaraskan bidang pendidikan dengan kemajuan negara. Oleh itu beberapa institusi pengajian tinggi juga memainkan peranan penting dalam perkembangan sistem pendidikan. Dengan lahirnya tenaga yang professional dari segi pendidikan mahupun teknikal yang bertaraf dunia oleh institusi ini maka perkembangan teknologi negara dapat berkembang dengan teratur serta bersistematik.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) adalah merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang mengambil bahagian dalam menyediakan pendidikan yang berteknologi bagi melahirkan para jurutera-jurutera dan tenaga pendidikan yang bertaraf dunia dan disegani, ianya adalah bertujuan dalam membantu meningkatkan pembangunan dan martabat negara.



PPTA ALITHM
PERPUSTAKAAN TINGKU TIN AMINAH

1.2 Latar Belakang

Kurikulum merupakan satu ruangan di dalam pendidikan yang digubal untuk para pelajar bagi memenuhi kehendak dan keperluan individu, masyarakat dan wawasan negara. Untuk keperluan ini, kurikulum seharusnya bersifat dinamik dan berkembang mengikut keadaan, keperluan dan kesesuaian negara.

Mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan adalah satu matapelajaran yang dilaksanakan sebagai pelajaran elektif baru dalam kumpulan II (Vokasional dan Teknik) untuk tingkatan empat dan lima dalam program KBSM. Ianya digubal ke arah meningkatkan daya pengeluaran melalui penglibatan masyarakat secara produktif, inovatif dan kreatif serta membentuk berbagai-bagai jenis kerja yang dikenalfaham teknologi dan ekonomi sejajar dengan dasar dan keperluan negara.

Ia merupakan satu bahasa grafik untuk menyampaikan maklumat secara tepat dan ringkas. Lukisan Kejuruteraan mempunyai konvensyen, symbol dan piawai tersendiri yang telah ditetapkan. Matapelajaran ini juga bertujuan memupuk sifat dan nilai seperti kebersihan, kekemasan dan ketetapan untuk menghasilkan kerja bermutu. (Sukatan Pelajaran Lukisan Kejuruteraan 1994)

Oleh itu bagi mencapai tujuan ini, matapelajaran ini telah dilaksanakan juga di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat misalnya sebagai salah satu matapelajaran yang wajib diambil oleh pelajar tahun satu semester satu yang mengambil jurusan kejuruteraan di sini. Adalah menjadi harapan bagi semua pihak dengan adanya matapelajaran ini dapat membantu pelajar-pelajar yang bakal keluar nanti berkebolehan dalam bidang mereka khususnya bagi mereka khususnya bagi mereka yang mangambil bidang kejuruteraan yang sedikit sebanyak akan lebih mendalami bidang ini pada peringkat tahun-tahun berikutnya.

Bagi mencapai kecemerlangan dalam matapelajaran ini, pihak pensyarah yang mengajar matapelajaran ini adalah merupakan nadi utama dalam mencurahkan ilmu

tersebut kepada pelajar-pelajar mereka. Mereka perlu berusaha untuk memantapkan ilmu yang sedia ada dengan lebih mendalami bidang tersebut dan sering membuat perbincangan bersama-sama pensyarah yang lain bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran mereka. Sementara itu pelajar pula perlu diberi kesedaran akan kepentingan matapelajaran ini dan menyokong mereka supaya lebih berusaha untuk menguasainya dengan baik.

1.3 Penyataan Masalah

Antara tujuan mengapa Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn menawarkan matapelajaran lukisan kejuruteraan sebagai subjek yang penting dalam bidang kejuruteraan adalah kerana lukisan kejuruteraan merupakan satu matapelajaran yang membantu pelatih menganggar dan menonjolkan sesuatu gambaran idea dalam keadaan sebenar.

Lukisan Kejuruteraan adalah lukisan berbentuk garisan yang dibuat dengan menggunakan peralatan lukisan teknik. Ia merupakan gambaran sebenar bagi sesuatu bentuk objek dengan lebih terperinci yang disertakan dengan saiz dan ukuran dari semua arah pandangan (Md. Nasir Manan, 1995).

Walaupun matapelajaran lukisan kejuruteraan merupakan matapelajaran yang penting tetapi tidak semua pelajar akan memperolehi keputusan peperiksaan yang baik. Ini mungkin disebabkan oleh kesan beberapa faktor tertentu. Dengan ini penyelidik ingin membuat tinjauan tentang keberkesanan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan tersebut.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

1.4 Persoalan Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dilihat. Berikut adalah persoalan yang menjadi perkara utama dalam kajian ini iaitu;

1. Adakah sikap pelajar mempengaruhi prestasi dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan?
2. Adakah minat pelajar mempengaruhi prestasi dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan?
3. Adakah cara pengajaran guru mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan?
4. Adakah kemudahan yang sedia ada di makmal lukisan dapat mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan?

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum

Untuk meninjau keberkesanan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar terhadap matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.5.2 Objektif Khusus

Terdapat beberapa objektif khusus yang dikenal pasti dalam melakukan kajian ini, di antaranya ialah;

1. Untuk mengenalpasti sikap pelajar itu sendiri dalam menentukan prestasi mereka dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan.
2. Untuk mengenalpasti minat pelajar itu sendiri dalam menentukan prestasi mereka dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan
3. Mengenalpasti adakah cara pengajaran guru memberi kesan ke atas prestasi pelajar dan apakah pendekatan pensyarah (pengajaran) yang boleh menyumbang kepada pencapaian yang lebih baik dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan.
4. Mengenalpasti bagaimana kemudahan yang sedia ada di makmal lukisan dapat memberi kesan ke atas prestasi pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kepada semua pensyarah matapelajaran Lukisan Kejuruteraan. Ianya boleh dijadikan bahan rujukan mereka bagi agar ianya dapat mempertingkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran dan seterusnya meningkatkan keupayaan dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan

Menurut Mogan dan King (1975), pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan dan tingkahlaku yang agak kekal akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalankan. Pembelajaran yang dimaksudkan di sini

adalah merupakan teknik-teknik pengajaran yang menarik dan berkesan yang dijalankan oleh pensyarah atau guru dalam pembelajaran matapelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengesan pencapaian pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan iaitu dengan mengkaji keberkesanan faktor-faktor yang dikenalpasti mempengaruhi prestasi mereka iaitu cara pengajaran guru, sikap, kesan program pembangunan insan dan keadaan persekitaran pelajar.

Kajian ini diharap dapat mencari penyelesaian ke atas permasalahan prestasi pelajar di institusi pengajian tinggi terutamanya di KUiTTHO dan dijadikan sebagai satu garis panduan dalam membantu para pelajar, pengajar, pihak institusi dan Kementerian pendidikan bagaimana cara meningkatkan lagi prestasi pelajar serta merancang strategi yang lebih tersusun. Seterusnya dengan kajian yang dibuat ini juga diharap dapat melahirkan lebih ramai pekerja yang mahir dan berkualiti serta berdaya saing.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah lebih bertumpu kepada perkembangan prestasi pelajar dan keupayaan pensyarah dalam program pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pemilihan institusi ini sesuai kerana ianya terdiri daripada tiga fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang menawarkan jurusan kursus di dalam bidang kejuruteraan.

Populasi kajian yang terdiri daripada kumpulan pensyarah dipilih adalah kerana mereka merupakan pegawai barisan hadapan kepada program pengajaran dan pembelajaran. Manakala populasi dari kumpulan pelajar pula adalah kerana mereka merupakan kumpulan sasaran atau produk.

Selain daripada itu, dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan, sebenarnya terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi pelajar yang boleh dikaji bagi menjawab persoalan ini tetapi di sini penyelidik hanya memilih beberapa faktor sahaja yang dirasakan penting iaitu sikap, minat, cara pengajaran guru, keadaan persekitaran dan kesan program pembangunan insan disatukan menjadikan satu persoalan.

1.8 Definisi Istilah

Berdasarkan Othman Muhammad (1990), definisi istilah adalah berhubung dengan istilah-istilah yang spesifik yang berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Ini bertujuan untuk mengelakkan pembaca dari memahami kajian dengan persepsi yang berbeza sepertimana yang dikehendaki di dalam sesuatu kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti beberapa definisi perkataan yang kerap digunakan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan di kalangan pembaca. Di antara definisi yang akan digunakan ialah seperti:

1. Tinjauan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, tinjauan boleh didefinisikan sebagai satu kajian bagi melihat sesuatu keadaan yang telah, sedang atau akan berlaku.

2. Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, keberkesanan boleh didefinisikan sebagai satu akibat daripada sesuatu tindakan yang mendalam yang dapat merubah sesuatu situasi insan atau sesuatu keadaan.

3. Faktor

Menurut Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, faktor boleh didefinisikan sebagai keadaan yang mempunyai pengaruhnya atau hasil daripada sesuatu yang menyebabkan sesuatu perkara itu berlaku atau perkara yang membantu mencapai sesuatu perkara.

Sementara di dalam '*The Oxford English Dictionary*' (1978), satu elemen yang terdapat dalam komponen tertentu yang membuahkan hasil atau sebagai agen. Sementara menurut '*Collins Submill English Dictionary*' (1987), Faktor sebagai tunggal yang bergabung dengan yang lain untuk menyebabkan sesuatu berlaku. Pengkaji menggunakan perkataan faktor dengan membawa maksud sebagai penyebab atau punca yang dapat dikenalpasti dalam tajuk kajian ini.

4. Pengaruh

Menurut Kamus Dewan (1990), pengaruh adalah kuasa yang terbit daripada orang (benda dan lain-lain) ke atas (benda dan lain-lain) kekuatan batin (ghaib dan lain-lain) yang meninggalkan kesan ke atas orang (benda dan lain-lain).

Sementara di dalam '*The Oxford English Dictionary*' (1978), menyatakan bahawa pengaruh sebagai sesuatu yang mengamalkan tindakan kuasa. Dalam menghuraikan tajuk kajian ini, maksud pelbagai pengaruh merupakan suatu usaha atau keyakinan secara moral dan autoriti yang mendatangkan kesan.

5. Pencapaian

Menurut Kamus Dewan (1990), pencapaian adalah hasil perolehan setelah berusaha. Pencapaian di dalam kajian ini bermaksud markah atau tahap keputusan yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu ujian atau peperiksaan.

Urdag (1976). Dalam Yusri Kamin (1997) pula menyatakan bahawa pencapaian ialah sesuatu yang didapati melalui keupayaan. Pencapaian yang dimaksudkan di sini ialah menjurus kepada tahap kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik.

6. Prestasi

Daripada Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, prestasi ialah hasil yang telah diperolehi atau dicapai atau pencapaian individu di dalam sesuatu perkara yang diceburi atau alami.

7. Pelajar

Daripada Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, pelajar ialah individu yang mengikuti sesuatu ilmu dalam jangkamasa yang agak lama dalam memahami sesuatu perkara yang dipelajari dalam meningkatkan lagi salsiah diri.

Pelajar yang dimaksudkan adalah pelajar tahun satu semester satu yang mengambil jurusan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik yang mengikuti matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di KUITTHO.



8. Lukisan Kejuruteraan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Baru), 1989, Dewan Bahasa Dan Pustaka, lukisan kejuruteraan boleh didefinisikan sebagai gambaran yang menggambarkan sesuatu pekara yang berkaitan kepada rekabentuk, pernyataan ringkas dan gambaran yang memberikan maklumat secara teknikal terhadap sesuatu pekara.

Lukisan Kejuruteraan adalah lukisan berbentuk garisan yang dibuat dengan menggunakan peralatan lukisan teknik. Ia merupakan gambaran sebenar bagi sesuatu bentuk objek dengan lebih terperinci yang disertakan dengan saiz dan ukuran dari semua arah pandangan (Md. Nasir Manan, 1995).

9. KUITTHO

Ianya sebuah lagi institusi pengajian tinggi yang terletak di kawasan Johor di mana ia terletak di kawasan daerah Parit Raja. Institusi ini diwujudkan hasil kerjasama di antara Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan dengan tujuan untuk menghasilkan graduan-graduan yang berpengetahuan tinggi terhadap teknologi dan berkebolehan dalam bidang pendidikan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TEKNIKAL AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULIS

2.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan beberapa pekara literatur yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan iaitu berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan. Pengajaran dalam situasi formal seperti di dalam bilik darjah melibatkan guru, murid-murid, bahan-bahan pengajaran dan pengajaran dan suasana atau iklim bilik darjah. Selain daripada itu, berbagai-bagai pembolehubah atau faktor sama ada luaran atau dalaman pada guru dan murid-murid mempengaruhi prestasi dan mutu pembelajaran murid-murid. (Abd. Rahim, 1993)

2.1 Sikap

Sikap tidaklah mudah diberi pengertian. Bagaimanapun terdapat beberapa takrif yang dapat menolong kita memahami akan pengertian sikap itu. Thuistom (1929),

mengatakan bahawa sikap adalah perasaan positif atau negatif terhadap apa jua objek psikologikal seperti simbol, slogan institusi atau pun orang.

Allport (1935), berpendapat bahawa sikap itu adalah suatu unsur mental yang tersusun dari pengakuan, mempengaruhi individu secara dinamik terhadap objek dan juga situasi yang tertentu.

Katz (1966), menyatakan sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap satu-satu objek, simbol dan aspek yang disukai ataupun tidak disukainya. Ia juga merangkumi perasaan, kepercayaan dan pemikiran terhadap satu-satu objek, simbol atau aspek kehidupan individu. Crow dan Crow (1983), berpendapat bahawa sikap adalah hasil sampingan yang menjejaskan pengakuan seseorang individu yang mana mempunyai asas dari desakan dalamnya, tabiat yang dipelajarinya dan pengaruh alam sekitar yang mengelilinginya.

Sebenarnya pengertian sikap adalah terlalu luas dan berbagai-bagai tetapi untuk kajian ini sikap difahamkan sebagai cara-cara untuk melihat sesuatu perkara atau seseorang, kecenderungan untuk bertindak, perasaan tentang betul dan salah, suka atau benci terhadap objek atau nilai.

Kematangan seseorang pelajar yang telah mengikuti dan mengalami pelbagai peringkat pembelajaran seharusnya semakin bertambah dalam membuat pemerhatian, tanggapan, pemikiran dan cara bertindak di mana ia merupakan sebahagian daripada pembentukan sikap dan sahsiah. Ini bermakna, semakin tinggi pembelajaran sepatutnya semakin sempurna pembentukan sikap dan sahsiah mereka dan memenuhi tuntutan pendidik. Malangnya pelajar hari ini kurang persiapan dalam mengharungi liku-liku pendidikan dan pembangunan. Pelajar sekarang lebih bersikap belajar hanya untuk peperiksaan sahaja tidak diaplikasikan dalam kehidupan sedangkan kepincangan yang berterusan begini tentunya merugikan agama, bangsa dan negara.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Justeru, seperti jurutera, akauntan, doktor dan lain-lain jawatan professional, pelajar juga sama dikategorikan sebagai ahli professional di mana seorang profesional perlu mempunyai dua ciri utama disamping sifat lain yang penting. Dua sifat utama yang dimaksudkan ialah etika dan sahsiah yang sesuai bagi seorang pelajar. Selain daripada itu dalam membincangkan mengenai faktor sikap, ianya juga boleh dikaitkan dengan nilai. Kerana sikap individu secara tidak langsungnya turut mempengaruhi nilai yang ada dalam diri mereka.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran juga, Tunku Sarah (1998), berpendapat, guru adalah '*role model*' bagi pelajar. Jadi setiap perbuatan guru atau pengajar pasti mempunyai pengaruhnya dikalangan pelajar. Baik atau buruknya perlakuan atau tingkahlaku guru tersebut bergantung kepada kesedaran, sikap dan persepsinya terhadap nilai". Nilai kerohanian, moral dan etika juga dipupuk perlu usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Sistem nilai yang murni menekankan moral dan etika berasaskan agama, adat dan tradisi. Nilai tersebut akan terus diberi penekanan sebagai komponen penting dalam menuju ke arah negara perindustrian.

2.3 Minat

Selain daripada itu dalam membincangkan mengenai faktor minat, ianya juga boleh dikaitkan dengan nilai. Kerana minat individu secara tidak langsungnya turut mempengaruhi nilai yang ada dalam diri mereka.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, minat yang mendalam dalam diri individu mendorong ianya melakukan sesuatu dengan kesungguhan disamping memupuk nilai-nilai murni. Nilai kerohanian, moral dan etika juga dipupuk perlu usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Sistem nilai yang murni menekankan moral dan etika berasaskan agama, adat dan

tradisi. Nilai tersebut akan terus diberi penekanan sebagai komponen penting dalam menuju ke arah negara perindustrian.

Dr. Norani (Dewan Masyarakat, Februari 2000), menekankan bahawa minat para pelajar itu sangat berbeza-beza, ada yang berminat membuat batu-bata, menjahit memasak, mengimpal dan melukis serta sebagainya. Namun tegasnya bahawa paksaan pelajar dalam melakukan sesuatu yang mereka tidak minati akan menyebabkan mereka cepat bosan dan kita tidak perlu mengongkang minat para pelajar tersebut.

2.4 Cara Pengajaran Guru

Pengajaran guru merupakan salah satu faktor penting yang boleh mempengaruhi minat pelajar sekaligus mempengaruhi prestasi mereka dalam pelajaran Lukisan, guru sebagai orang yang paling rapat dengan pelajar di sekolah merupakan pendorong yang kuat untuk memberikan keyakinan dan motivasi kepada pelajar itu sendiri. Guru yang berkesan yang merupakan pendidik yang professional, menunjukkan taat setia kepada kerajaan semasa, mempamerkan kekuatan teori serta kaya dengan maklumat.

Menurut Lcc Shok Mcc (1997), guru hendaklah mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak iaitu tingkahlaku, minat bakat dan keperluan-keperluan kanak-kanak. Guru juga perlu sedar tentang kebolehan dan minat yang berbeza-beza di kalangan pelajar-pelajarnya. Dengan pengetahuan ini diharapkan guru dapat menyediakan pelajaran serta aktiviti-aktiviti yang sejajar dengan minat dan kebolehan pelajar yang berbeza.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai aktiviti pembelajaran supaya mereka memiliki kemahiran diperlukan dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan lebih kreatif. Sehubungan itu, guru perlu mengubah pendekatan dan teknik pengajaran supaya menjadi lebih menarik dan pelajar tidak bosan untuk menghadiri kelas.

Menurut Abdul Raof dan T. Subahan (1991), guru juga bertindak sebagai pengembang dan pengukuh penguasaan kemahiran yang berbentuk intelektual atau manipulatif. Oleh itu guru hendaklah berusaha menguasai dan menunjukkan sikap yang dapat menggalakkan pembelajaran dengan pelbagai teknik dan kaedah supaya memudahkan pembelajaran.

Satu lagi prinsip pengajaran yang perlu ditekankan ialah rancangan pengajaran yang harus disusun oleh guru bagi memastikan segala maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan tersusun serta mudah difahami oleh pelajar. Oleh itu bagi menjamin sebuah proses pengajaran dan pembelajaran yang tersusun, guru yang bertindak sebagai pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya merancang strategi, mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar serta menggunakan alat pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi memastikan objektif pengajaran terlaksana dan berjaya. Ini kerana seseorang guru yang berjaya mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan tersusun serta mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar sudah tentu akan meningkatkan lagi pencapaian atau prestasi pelajar.

2.6 Keadaan Kemudahan Sedia Ada

Ianya merupakan satu faktor penting yang perlu diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan cekap dan sempurna.

Kemudahan alat bantu mengajar, peralatan lukisan dan sumber rujukan adalah merupakan pekara penting yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ianya adalah merupakan suatu rangsangan yang dapat menimbulkan sikap keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam tentang sesuatu aspek.

Bell (1978), menerangkan ketidakupayaan pelajar menyesuaikan diri dalam sistem sosial bilik darjah dan kesesuai penggunaan peralatan yang disediakan juga boleh mendatangkan masalah dalam pembelajaran mereka. Pelajar yang terpencil atau dipencilkan akan merasakan diri mereka tidak diterima. Sudah tentu keadaan yang pincang ini akan menyulitkan pembelajaran pelajar.

Oleh yang demikian jelas menunjukkan kemudahan yang sedia ada dalam pembelajaran juga merupakan faktor yang menjadi pengembang kepada turun naiknya prestasi pelajar.



BAB III

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penyelidik akan memberikan perhatian kepada bagaimana kajian dijalankan. Aspek yang dibincangkan berkaitan rekabentuk kajian, tempat kajian, sampel kajian, instrumenasi kajian dan analisis data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berbentuk perihal atau diskriptif di mana data yang dianalisis diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada kumpulan pelajar semester satu tahun satu bagi setiap jabatan. Menurut Majid Konting (1993), penyelidikan diskriptif bermatlamatkan penerokaan sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Kuantitatif berbentuk tinjauan (data diambil dalam satu masa sahaja dan responden mengambil sedikit masa sahaja untuk menjawab). Rasional menggunakan



kaedah ini adalah memudahkan penyelidik mendapat maklumat yang diperlukan berdasarkan kepada soal kajian. Selain daripada itu, penyelidik juga ingin membuat pemerhatian terhadap persekitaran bagi memastikan objektif khusus ke empat tercapai.

Oleh kerana sampel yang akan digunakan dalam kajian terdiri daripada pelajar dan pensyarah serta melibatkan pihak institusi, maka beberapa persediaan perlu dilaksanakan iaitu;

- menghubungi ketua jabatan bagi setiap jabatan untuk mendapat kebenaran
- mendapat kerjasama daripada pihak jabatan dan pensyarah
- mengedarkan naskah soal selidik untuk diisi oleh pelajar dan pensyarah
- kumpul dan semak naskah soal selidik
- analisis data

Selain daripada itu, kajian rintis juga akan dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah responden memahami soalan yang dikemukakan bagi membolehkan pengkaji menilai usaha kepercayaan atau kesahan soalan yang dibina.

3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Blurn dan Foos (1986), dan Cohen serta Manion (1989), di dalam buku Mohd Najib Ghafar (1997), telah menyatakan bahawa terdapat tiga kaedah persampelan. Antaranya ialah kaedah sampel rawak mudah yang menjadi pilihan pengkaji. Kaedah pemilihan sampel kajian ini agak mudah dijalankan dan setiap orang mempunyai peluang untuk dipilih.

Terdapat beberapa institusi yang menawarkan kursus matapelajaran lukisan kejuruteraan begitu juga pengkaji memilih Kolej Universiti teknologi Tun Hussein Onn sebagai tempat kajian kerana institusi ini menawarkan kursus kejuruteraan peringkat diploma dan ijazah.

3.4 Instrumentasi Kajian

Dua set borang soal selidik dan temu bual soalan terancang akan digunakan sebagai instrumen dan soal selidik tersebut akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

3.4.1 Soal selidik pelajar

Bagi set borang soal selidik pelajar, ianya adalah set borang soal selidik untuk pelajar. Pelajar merupakan kumpulan sasaran atau produk. Set soalan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi latar belakang responden iaitu merangkumi biodata responden seperti jantina, umur, kelas keturunan dan lain-lain lagi. Bahagian ini untuk mendapatkan butiran demografi responden, ianya diwujudkan bagi menggalakkan pelatih memberikan jawapan dengan ikhlas dan tepat.



Bahagian B

Bahagian ini mengandungi set soalan berbentuk objektif yang mudah untuk dijawab. Soalan ini adalah soalan yang telah dipilih dan hanya memerlukan ketepatan jawapannya sahaja. Ia direkabentuk bagi menjawab keempat-empat soalan kajian yang meliputi objektif-objektif kajian yang ingin dan bahagian ini terdiri daripada 30 item seperti yang terdapat pada lampiran A.

**Jadual 3.1: Taburan item borang soal selidik mengikut item
(Soalselidik Pelajar).**

Soalan kajian	Tajuk kajian	Item
1. sikap	Untuk mengetahui bagaimana sikap pelajar terhadap matapelajaran Lukisan Kejuruteraan mempengaruhi prestasi mereka.	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7
2. minat	Untuk mengetahui bagaimana minat pelajar mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan.	8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15
3. cara pengajaran	Untuk mengetahui bagaimana cara pengajaran pensyarah mempengaruhi prestasi pelajar terhadap matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23
4. keadaan persekitaran	Untuk mengetahui kegunaan dan penyediaan kemudahan yang sedia ada boleh mempengaruhi prestasi pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan	24, 25, 26, 27, 28, 29, 30

Di dalam bahagian B, responden di minta untuk menjawab di dalam borang soal selidik tersebut dengan menggunakan Skala Likert. Penyelidik ingin menggunakan kaedah ini kerana soalan kajian yang akan dikemukakan dalam bahagian ini terdapat situasi kemungkinan pemilihan jawapan adalah lebih daripada satu pilihan iaitu tidak terikat dengan pilihan sama ada 'ya' atau 'tidak'.

Jadual 3.1. Peringkat Skala Penggunaan Skala Likert

Skala	Keterangan
5	Amat setuju
4	Setuju
3	Tidak pasti
2	Tidak setuju
1	Amat tidak setuju

3.4.2 Soalselidik Pengajar

Set soalselidik kepada pengajar adalah soalselidik yang dikemukakan kepada responden pengajar yang bertugas di pusat pengajian tersebut yang dipilih sebagai sampel kajian. Set soalan ini juga terdiri daripada dua bahagian iaitu; Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi biodata responden seperti umur, kursus, jantina, bangsa dan lain-lain lagi kecuali nama. Bahagian ini akan diletakkan sebagai jadual demografi, diwujudkan bagi menggalakan pengajar memberikan jawapan dengan ikhlas dan tepat.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi set soalan berbentuk objektif yang mudah untuk dijawab. Soalan objektif ini adalah soalan yang telah dipilih dan hanya memerlukan ketepatan jawapannya sahaja. Ia direkabentuk untuk menjawab 30 soalan yang terdapat di lampiran B.

3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Soal selidik yang dibentuk akan dipra-uji bagi menentukan kesahihan dan ketepatan kriteria sesuatu item yang telah dipilih. Ia juga dapat membantu menentukan sama ada soalan yang dibentuk mengikut susunan dan urutan yang logik dan dapat menjawab objektif kajian. Di mana daripada pra-uji yang akan dilakukan ini, soalan yang lemah dan tidak tepat akan diubahsuai atau ditinggalkan. Ayat kompleks dan mengandungi dua maksud disusun akan semula dan akan memastikan bahasa yang digunakan adalah mudah supaya ianya senang difahami oleh responden.

Pengkaji akan menggunakan set borang soal selidik yang direkabentuk sendiri. Oleh itu, untuk menentukan item-item di dalam borang soal selidik ini menjawab soalan-soalan kajian, pengkaji akan menggunakan penentuan kesahan isi (*content validity*). Menurut Mohamad Najib (1999), untuk menentukan kesahan isi, pandangan mereka yang lebih mahir adalah penting untuk menyunting soalan-soalan sebelum digunakan.

Kajian rintis akan dijalankan terlebih dahulu. Seramai 5 orang responden akan dipilih secara rawak untuk tujuan ini (Mohamad Najib, 1999). Ini akan dijalankan 5 hari sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan.

Pengujian adalah dengan menggunakan ujian Alpha Cronbach untuk mendapatkan koefisien kebolehpercayaan. Menurut Crowl (1996), ujian

kebolehpercayaan ini mesti dilakukan untuk menentukan konsistensi keputusan ujian dan seterusnya borang soal selidik itu boleh dipercayai. Ini bertujuan untuk menentukan ciri-ciri soalan mana yang memerlukan pengubahsuaian ataupun dikekalkan.

Koefisien kebolehpercayaan yang paling hampir dengan + 1.00, menunjukkan kebolehpercayaan sesuatu instrumen itu adalah sangat tinggi, baik dan berkesan. Jika 0.6 - 0.7, ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8, ia adalah sangat baik. Manakala koefisien kebolehpercayaan yang paling hampir dengan 0 mempunyai kebolehpercayaan ujian yang paling rendah (Crowl, 1996). Oleh itu secara ringkasnya, julat untuk menerima kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah dari 0.75 - 0.95.

3.6 Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan pada Julai 2001 dengan dibantu oleh tiga orang pembantu yang terdiri daripada ketua kelas bagi satu kelas yang dipilih bagi setiap jabatan masing-masing. Segala maklumat yang dikumpul dari soal selidik yang dikembalikan, dijadikan sumber kepada dapatan kajian.

3.7 Analisis Data

Semua data yang diperolehi melalui soal selidik akan disemak terlebih dahulu agar segala arahan yang diberikan dapat diikuti dengan betul. Seterusnya penganalisan data akan dibuat dengan menggunakan analisis deskriptif yang menerangkan taburan ulangan, peratusan dan jumlah skor responden. Ianya juga digunakan untuk menganalisis dan mempersembahkan ciri-ciri latar belakang responden. Semua data yang telah lengkap akan diproses secara perbandingan manual. Data perolehan dari item soal selidik tersebut akan diproses dengan mengelaskan item-item tersebut kepada empat soal selidik, akan dijumlahkan dan dijadikan dalam bentuk peratusan untuk memudahkan kerja analisis dan rumusan dibuat.

BIBLIOGRAFI

1. Atan Long (1978), "Psikologi Pendidikan", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Abdul Rahim Absul Rashid, 1993, "Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
3. Abdul Raof Dalip, T. Subahan Mohd Merah (1981). "Isu-isu Latihan Mengajar", Petaling Jaya, Fajar Bakti.
4. Abu Zahari Abu Bakar (1989), "Memahami Psikologi Pembelajaran", Petaling Jaya, Siri Pendidika Fajar Bakti.
5. Crow-Crow (1983), "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989, "Kamus Dewan Edisi Pertama Cetakan Kedua Dalam Ejaan Baru Dengan Pindaan Dan Tambahan", Kuala Lumpur.
7. Dunken & Biddle (1974), Dalam Ramlan Hamzah (1992) Amru Ismail (1995), "Prestasi Rendah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Dalam Matapelajaran Lukisan Geometri", Kertas Kerja UTM, Johor.
8. Ee Ah Meng (1989), "Pendidikan Di Malaysia", Kuala Lumpur, Fajar Bakti.
9. Greeg (1972), Dalam Abdul Rahman Selamt (1989), "Belajar dan Belajar", Kuala Lumpur, Nurin Enterprise.

10. Lee Shok Mee (1997), "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Nor Fadila Mohd Amin dan Widad, 1998, "Cabaran Pelaksanaan Matapelajaran Elektif KBSM Lukisan Kejuruteraan Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Atas". Seminar Kebangsaan Pendidikan: Institut Teknologi Tun Hussein Onn.
12. Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa, 1993, "Konsep Pengajaran Berkesan", Berita Satelit : Universiti Teknologi Malaysia.
13. The Oxford English Dictionary Vol. IV Clarendon Press
14. Thorndike (1913) Dalam Lee Shok Mee (1997) Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan . Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka..
15. Samsul Bahrin Bin Harun, 1993, "Pengantar Kaunseling", Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
16. Segal (1985), Dalam Abdul Rahim Selamat (1989), "Belajar Cara Belajar", Kuala Lumpur, Nurin Enterprise.
17. Yusri Kamin (1997) Mengenal Kefahaman Konsep Geometri Satah di Kalangan Pelajar Dalam Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan. Kertas Kerja UTM, Johor.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

